

# Keruntuhan akhlak mengundang bala

UTUSAN MALAYSIA 08/10/2018 M15 31

## PEDOMAN

**1** Hendaklah menyakini bahawa berpegang kepada al-Quran dan sunah akan menjamin kejayaan dan keselamatan hidup dunia akhirat.

**2** Hendaklah mengamalkan, mempertahankan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad dan telah diteruskan oleh ulama muktabar.

**3** Hendaklah menjauhi dan bersama-sama membanteras gejala maksiat yang boleh merosakkan ummah dan negara serta mengundang bala daripada Allah.

**L**IHAT sahaja akhbar mahupun di kaca televisyen, setiap hari tidak pernah sunyi daripada melaporkan tentang gejala sosial. Malah, dilihat bagaikan tiada titik noktah, segala keruntuhan akhlak yang berlaku semakin hari kian membimbangkan.

Segala krisis yang berlaku dalam masyarakat Islam masa kini itu tidak lain adalah berpunca daripada jauhnya mereka dalam menjalinkan hubungan dengan Allah SWT selain meninggalkan ajaran dibawa oleh Rasulullah SAW.

Gejala ini jika dibiarkan akan memberi kesan kepada keruntuhan ummah dan kehancuran negara.

Ia sebagaimana firman Allah maksudnya: *"Dan (Tuhan berfirman lagi): Kalau sekiranya penduduk negeri itu, beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."* (al-A'raf: 96)

Lebih malang, terdapat sebahagian daripada umat Islam seolah-olah tidak mempunyai keyakinan yang mantap terhadap Allah dengan tidak mempedulikan segala amaran dan ancaman

## Bimbingan

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor

diturunkan, sebaliknya terus mengingkari perintah serta larangan Allah.

Umat Islam hendaklah sedar bahawa derhaka dan ingkar kepada Allah bukan hanya dengan cara menyembah patung serta berhala, malah termasuk tidak yakin dengan hukum-hukum dan janji Allah mengenai hari kiamat serta dosa pahala.

Tambahan pula dalam kalangan umat Islam hari ini tidak menghiraukan amaran daripada para nabi dan rasul bahkan berterusan melakukan kerosakan serta kezaliman.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Qasas ayat 59: *"Dan tidaklah menjadi kebiasaan Kami membinasakan mana-mana negeri melainkan setelah penduduknya berlaku zalim."*

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah sentiasa memerhatikan segala pergerakan manusia. Apa sahaja musibah yang menimpa manusia pasti ada sebabnya sama ada disadari atau tidak. Yang pasti, tiada kebinasaan ditimpakan melainkan kerana kezaliman manusia itu sendiri.

Kezaliman yang dimaksudkan adalah syirik



**GEJALA** sosial dalam kalangan masyarakat dilihat kian membimbangkan. - GAMBAR HIASAN

kepada Allah dan segala bentuk maksiat serta dosa yang dilakukan oleh manusia termasuklah meninggalkan solat; melakukan zina; mengamalkan seks lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT); meminum arak, berjudi; mendedahkan aurat; dan memakan riba.

Amat menyedihkan, apabila sebahagian daripada masyarakat sanggup mempertahankan penyalahgunaan dadah, riba, zina secara rela dan gejala LGBT dengan alasan dosa yang bersifat hak peribadi dan tidak boleh diambil tindakan undang-undang.

sombong dan angkuh mengaku sebagai tuhan lalu Allah tenggelamkannya bersama tentera-tenteranya dalam laut.

Begitu juga keingkaran kaum Nabi Nuh a.s. yang menentang usaha dakwah sehingga akhirnya ditenggelamkan dengan banjir besar hinggalah tiada seorang pun yang selamat melainkan mereka yang bersama-sama dengan baginda.

Sehubungan itu, marilah kita meninggalkan dosa dan maksiat yang boleh mengundang bala serta bencana. Jangan menunggu sehingga bala melanda baru ingin berbuat amal kebajikan.



KERUNTUHAN akhlak yang melanda umat Islam mengundang bala daripada Allah. - GAMBAR HIASAN

## HAYATI IKTIBAR SIRAH LALU

Sesungguhnya al-Quran telah memperingatkan kisah umat terdahulu yang dibinasakan kerana melakukan maksiat, kezaliman dan penderhakaan terhadap Allah seperti mana kisah kaum Nabi Lut a.s. yang mengamalkan gaya hidup songsang.

Ia sebagaimana firman Allah maksudnya: *"Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka buminya) dan Kami menghujannya dengan batu-batu daripada tanah yang dibakar, menyimpannya bertalutalu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka), dan dia pula tidaklah jauh daripada orang yang zalim itu."* (Hud: 82-83)

Selain itu, firaun dengan

ingin insaf dan menyesal.

Ini kerana apabila dosa dan maksiat berleluasa, maka ia akan mengundang bala serta bencana daripada Allah seperti mana sebuah hadis diriwayatkan bahawa Zainab binti Jahsyi r.a. bertanya kepada Rasulullah dengan berkata:

*"Wahai Rasulullah, apakah kita akan binasa sedangkan dalam kalangan kami ada orang yang soleh?"* Baginda menjawab: *Ya, benar jika keburukan telah bermaharajalela."* - Riwayat Bukhari

Ingatlah bahawa tidak semua bencana yang berlaku semata-mata kerana bencana alam, sebaliknya ada juga bencana yang datang kerana peringatan daripada Allah.

Oleh itu marilah kita mencontohi akhlak yang diajar oleh Rasulullah. Sesungguhnya Baginda diutuskan ke bumi adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.